

Ramasamy kecewa terhadap PM

KUALA LUMPUR 23 Ogos - Seperti dijangkakan keputusan Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk tidak menghantar pendakwah terkenal Dr. Zakir Naik pulang ke negara asalnya India mengundang reaksi negatif.

Yang lantang menzahirkan rasa kecewa terhadap keputusan Perdana Menteri itu ialah Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang Dr. P. Ramasamy menerusi hantaran dalam laman Facebook beliau.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CCC) DAP itu malah mengingatkan Dr. Mahathir bahawa Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu telah menjanjikan Malaysia baharu tanpa mengira bangsa atau agama.

"Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri untuk seluruh rakyat Malaysia, beliau harus bertindak terhadap Zakir Naik. Saya tidak pasti kenapa tidak ada sebarang tinda-

"Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri untuk seluruh rakyat Malaysia, beliau harus bertindak terhadap Zakir Naik. Saya tidak pasti kenapa tidak ada sebarang tindakan daripada pihak Dr. Mahathir."

P. RAMASAMY

kan daripada pihak Dr. Mahathir, sama ada dia masih menunggu laporan penuh daripada pihak polis sebelum mengambil keputusan.

"Apabila difikirkan semula



secara teliti, saya rasa masih ada harapan untuk mengambil beberapa tindakan yang wajar terhadap Zakir Naik. Dengan ini bukan hanya saya tetapi ratu-

san dan ribuan rakyat Malaysia kecewa dengan keputusan Dr. Mahathir untuk biar Zakir Naik tinggal di negara ini buat masa ini," luah beliau.

Dalam pada itu, Ramasamy tidak menolak kemungkinan Dr. Mahathir membuat keputusan untuk tidak menghantar pulang Zakir kerana tindakan itu akan menimbulkan ketidakpuasan kepada umat Islam terutamanya penyokong UMNO dan Pas.

"Tetapi beliau (Mahathir) perlu sentiasa ingat bahawa beliau adalah Perdana Menteri bagi seluruh rakyat Malaysia, bukan hanya untuk orang Melayu atau bukan Melayu sahaja.

"Saya bersetuju dengan Dr. Mahathir bahawa siasatan polis yang lengkap perlu dilakukan sebelum beliau ingin mengambil sebarang tindakan namun untuk berapa lama kita akan menunggu?" soalnya lagi.